



No. Fail : MITI.600-7/1/18 JLD 9 (106)
Tarikh : 26 November 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI RAKAN KERJASAMA STRATEGIK SEMPENA PROGRAM RANCAKKAN MADANI BERSAMA MALAYSIAKU DAN KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM 2025

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menganjurkan **Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2025**. Program yang akan disertai oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Agensi-Agensi di bawah MITI ini akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **5 hingga 7 Disember 2025 (Jumaat - Ahad)**
Masa : **9.00 pagi – 9.00 malam**
Tempat : **Perkarangan Dataran Putrajaya, Putrajaya**

3. Susulan itu, satu Mesyuarat Penyelarasan Penganjuran Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2025 yang dihadiri oleh MITI dan Agensi di bawahnya telah diadakan pada 25 November 2025. Mesyuarat bersetuju supaya **MITI dan Agensi-Agensi di bawahnya bekerjasama** dan menjadi **rakan kerjasama strategik** bagi menyelaraskan dan menjayakan program ini secara penganjuran bersama.

4. Untuk menarik lebih ramai pengunjung ke reruai MITI, pelbagai aktiviti dan acara menarik akan dianjurkan sepanjang tempoh program berlangsung. Sehubungan itu, sebagai rakan strategik, Agensi-Agensi terlibat digalakkan untuk mengambil peluang untuk mempromosikan peranan, fungsi dan inisiatif masing-masing kepada orang ramai. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah dikemukakan kepada pihak sekretariat seperti berikut:

- i. Pn. Mulyati Afiza Mutalib : mulyati@miti.gov.my
019 354 5116
- ii. Cik Ainsyatul Azmi : aainsyatul.mystep@miti.gov.my
013 499 2349
- iii. En. Kamaruzaman : kamaruzaman.omar@midf.com.my
12 7 1325

5. MITI berharap dengan kerjasama ini, Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam dapat dianjurkan dengan jayanya. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMIR MUSYABRI ABDUL MUTALLIB)

Pengarah

Bahagian AKI, Seranta dan Saham

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

s.k.: KSU

TKSU (I)

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Datuk Sikh Shamsul Ibrahim Sikh Abdul Majid**
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
2. **YBhg. Dato' Sri Mohd Mustafa Abdul Aziz**
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)
3. **YBhg. Datuk Zahid Ismail**
Ketua Pengarah
Malaysia Productivity Corporation (MPC)
4. **Encik Azizi Hj. Mustafa**
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Industrial Development Finance (MIDF)
5. **Encik Azrul Reza Aziz**
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysia Automotive Robotics & IoT Institute (MARii)
6. **YBrs. Ts. Dr. Nurul Muiz bin Murad**
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Steel Institute (MSI)
7. **Encik Nik Sazali bin Nik Hussin**
Pemangku Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Standard & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)
8. **YBhg. Datuk Nurbayu binti Kasim Chang**
Ketua Pegawai Eksekutif
Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
9. **Encik See Chee Kong**
Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia (JSM)
10. **Encik Hairol Ariffein Sahari**
Ketua Pegawai Eksekutif
Halal Development Corporation Berhad (HDC)

11. **Encik Ahmad Azmi Awang**
Pengarah
Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)
12. **YBrs. Dr. Faridah Hussain**
Ketua Metrologist
National Metrology Institute of Malaysia (NMIM)
13. **YBrs. Prof. Ts. Shamsul Kamar Abu Samah**
Ketua Pegawai Eksekutif
National Aerospace Industry Corporation (NAICO)
14. **Encik Jaffri Ibrahim**
Ketua Pegawai Eksekutif
Collaborative Research in Engineering, Science & Technology
(CREST)